

# Ahli perniagaan Malaysia,

UM 18 APR 2002

CASABLANCA 17 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengajak ahli-ahli perniagaan Malaysia dan Maghribi supaya menjalinkan usaha sama menerokai peluang yang terbuka luas bagi membantu menjayakan aspirasi kerajaan masing-masing di bidang pelaburan dan perdagangan antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, aspirasi kerajaan Malaysia ialah untuk meningkatkan lagi kehadirannya di rantau Asia Barat dan Afrika Utara, di samping memperhebatkan lagi kemasukannya ke negara-negara Kesatuan Eropah (EU).

Demikian juga Maghribi yang berharap untuk memperluaskan lagi rangkaian pelaburan dan perdagangannya ke negara-negara ASEAN dan Asia Timur.

“Oleh itu, ahli-ahli perniagaan dari kedua-dua negara boleh berusaha bersama mencari jalan bagi membolehkan Malaysia menembusi pasaran EU dan Afrika.

“Lagipun, Maghribi, yang ja-

rnanya hanya 15 kilometer dari Sepanyol, boleh dikatakan sudahpun berada hanya di luar pintu EU, di samping menjadi pintu masuk penting ke benua Afrika.

“Ini tentunya dapat menyediakan peluang-peluang perniagaan yang luas bagi kita untuk mewujudkan usaha sama bagi manfaat bersama,” ujar Perdana Menteri ketika berucap pada majlis dialog dengan masyarakat perniagaan Maghribi di sini, hari ini.

Beliau menambah, Maghribi boleh menggunakan hubungan rapatnya dengan EU untuk mengedarkan hasil-hasil keluaran Malaysia bagi pasaran EU dan rantau lain atau mewujudkan usaha sama dalam pengilangan dan pasaran barangan berkenaan.

Beliau memberitahu perjumpaan tersebut bahawa Malaysia pula boleh dijadikan sebagai loncatan bagi Maghribi untuk menembusi pasaran ASEAN dan Asia Timur.

Ahli-ahli perniagaan Maghribi, kata beliau, boleh menggu-

nakan Malaysia untuk meraih manfaat daripada Rantau Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), sebuah pasaran serantau yang mempunyai lebih 500 juta penduduk dengan Keluaran Kasar Dalam Negara (GDP) berjumlah lebih AS\$750 juta.

Perdana Menteri bersama rombongannya tiba di sini awal hari ini dari Rabat dengan jalan darat lebih sejam, untuk meneruskan lawatan rasmi empat harinya ke negara ini.

Majlis dialog dengan masyarakat perniagaan Maghribi ini merupakan acara pertamanya pada hari ketiga kunjungannya ke Maghribi.

Pada hari ini Perdana Menteri turut menyaksikan upacara menandatangani beberapa perjanjian persefahaman antara para usahawan dan ahli-ahli perniagaan kedua-dua negara hasil perbincangan dan rundingan yang berlangsung sejak dua hari lalu.

Ahli-ahli perniagaan Malaysia yang mengikuti rombongan Perdana Menteri itu terus terbang ke Casablanca, sejurus se-

## Maghribi diajak jalin usaha sama

lepas singgah sebentar di Rabat pada hari Isnin lalu.

Perdana Menteri memberitahu, proses perindustrian telah membawa Malaysia kepada industri berasaskan eksport, daripada industri yang intensif buruh kepada intensif modal dan sekarang memasuki pula industri berasaskan ilmu.

“Masa depan bergantung kepada ekonomi berasaskan ilmu dan idea yang mana kunci kepada kekayaan dan penyediaan peluang kerja terletak kepada sejauh mana maklumat, idea, inovasi dan teknologi dirangkumkan di dalam semua sektor ekonomi,” kata beliau.

Menurut Dr. Mahathir, untuk menguatkan lagi daya tahan bagi menghadapi pergolakan perniagaan global dan ketidakpastian ekonomi dunia, Malaysia sedang mempelbagai lagi ekonominya.

Tumpuan yang lebih besar diberikan kepada sektor perkhidmatan dan kembali semula kepada sektor pertanian.

“Bioteknologi akan merevolusikan pertanian, dan kita ti-

dak mahu ketinggalan,” kata beliau.

Perdana Menteri memberitahu, sesuai dengan usaha untuk membangunkan ekonomi berasaskan ilmu, Malaysia sedang aktif mempromosikan pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) melalui Koridor Raya Multimedia (MSC).

Namun, lebih relevan kepada syarikat-syarikat Maghribi ialah kemahiran dan pengalaman yang ada pada syarikat-syarikat Malaysia dalam pembinaan kemudahan infrastruktur, perumahan, pelabuhan dan lapangan terbang, jalan raya dan landasan kereta api, loji memproses air, tenaga dan telekomunikasi.

Menurut beliau, syarikat-syarikat Malaysia telah berjaya melaksanakan projek-projek pembinaan di banyak ceruk dunia, termasuk Afrika, Asia Barat, Asia Timur, India dan Eropah Timur.

Oleh itu syarikat-syarikat Maghribi juga patut meninjau kemungkinan menyertai per-

kongsian bersama dengan rakan-rakan dari Malaysia bagi mendapatkan projek-projek bukan sahaja di Maghribi, tetapi juga di negara-negara lain di rantau ini.

Perdana Menteri dan rombongannya kemudian melawat Kilang Pemasangan Kereta SOMACA bagi meninjau kilang kereta nasional Maghribi, melawat ke kilang kraftangan Craftsmen House dan Habbus Craftsmen City.

Pada malamnya, Perdana Menteri dan rombongan diraikan dalam satu majlis jamuan makan malam yang diberikan oleh Liga Persahabatan dan Kerjasama Maghribi-Malaysia.

Esok, Dr. Mahathir dan rombongan akan berlepas ke Tripoli, ibu negara Libya.

Beliau akan bertemu dengan pemimpin Libya, Muammar Gaddafi di samping mengadakan beberapa rundingan dan perbincangan mengenai perkara-perkara kepentingan bersama. — Utusan